

**Jawatan no 2 PKR: Mustaffa protes tapi terus tanding**  
**Malaysiakini.com**  
**November 12, 2010**

Naib presiden PKR Mustaffa Kamil Ayub akan terus bertanding jawatan timbalan presiden dalam pemilihan parti itu yang sedang berlangsung.

Sidang media hari ini diadakan selepas kata-dua 48 jam yang diberikannya kepada Jawatankuasa Pemilihan Pusat (JPP) berakhir semalam, yang menuntut supaya pemilihan ditangguhkan kerana didakwa berlaku penyelewengan.

"Tetapi selepas berjumpa dengan Dr Molly Cheah (pengerusi JPP) semalam, beliau memberikan tiga komitmen kepada saya dan saya memutuskan untuk mengambil jalan tengah.

"Saya akan terus bertanding walaupun dalam protes," katanya sambil menambah bahawa beliau bukan seorang "pengacau".

Katanya, Cheah dan JPP bersetuju dengan beberapa tuntutan seperti yang digariskan dalam memorandumnya. Antaranya:-

- \* JPP akan menjadi badan autonomi penuh.
- \* Sebuah panel pemantau profesional dibentuk bagi memastikan keterbukaan dan integriti JPP dalam pemilihan parti.
- \* Bertindak terhadap aduan atau cadangan yang dikemukakan dalam memorandum itu sama ada pada peringkat cabang mahupun pimpinan pusat.

"Meskipun memahami hasrat dan rintihan sesetengah ahli akar umbi yang mahu saya memboikot atau menarik diri dari pemilihan, namun untuk kepentingan parti, saya akan terus bertanding," katanya.

Menurut Mustaffa beliau menerima pesanan yang tiga perempat mahukan beliau terus bertanding pada pemilihan PKR yang sedang berlansung itu.

Apabila ditanya sama ada beliau berpendapat sama ada JPP tidak bebas atau berkecuali, Mustaffa berkata pemisahan tanggungjawab antara badan itu dengan sekretariat parti masih tidak jelas.

"Terdapat persepsi bahawa JPP tiada kuasa autonomi dan anda tidak boleh nafikan bahawa integriti dan kebebasannya kini dipersoalkan," katanya.

Pada sidangmedia di Petaling jaya, pagi ini, naib presiden PKR itu juga memberi contoh berhubung beberapa ahli JPP yang kelihatan memakai lencana beberapa calon yang bertanding.

"Sudah tentu, ini menimbulkan kemarahan sesetengah ahli," katanya.

Mustaffa juga mendakwa sesetengah aduan semasa pemilihan cabang yang berakhir bulan lalu tidak dipandang serius oleh JPP mahupun sekretariat PKR sendiri.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/148006>